



WALAUPUN masih baru ditubuhkan tetapi para penyelidik KUKTEM telah berjaya memenangi beberapa anugerah dalam pertandingan penyelidikan bioteknologi.



PEGAWAI Sains Idayu Mat Ali menjalankan ujian dalam makmal KUKTEM yang se-tanding dengan makmal di institusi-institusi pengajian tinggi awam yang lain.

Bioteknologi KUKTEM

tumpu kepada keperluan industri

Oleh LAUPA JUNUS
Gambar GHAZALI BASRI

DENGAN memberi tumpuan kepada industri bioteknologi sebagai salah satu fokus penyelidikannya, Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (KUKTEM) di Kuantan, Pahang berada pada landasan yang betul kerana menyahut hasrat kerajaan memacu bidang tersebut dalam tempoh 15 tahun akan datang.

Bidang bioteknologi dan kejuruteraan kimia merupakan salah satu fokus penyelidikan KUKTEM selain kejuruteraan automotif dan pembuatan. Itulah pengkhususannya sejak ditubuhkan kira-kira tiga tahun lepas.

Rektor KUKTEM, Prof. Dr. Mohammad Said Mat Lela berkata, bagi mencapai matlamat tersebut, pihaknya telah menubuhkan Kumpulan Fokus Kimia dan Bioteknologi serta Kumpulan Fokus Pembuatan dan Kumpulan Fokus Automotif.

Jika diukur dari segi pengalaman dan usia, KUKTEM boleh dianggap baru setahun jagung tetapi percikan kejayaan sudah kelihatan dengan pencapaian para penyelidikannya dalam bidang bioteknologi.

Beberapa

penyelidikannya telah merangkul pingat dalam penyelidikan bioteknologi dalam pelbagai pertandingan yang disertai termasuk Pameran Bioteknologi Asia 2005 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) baru-baru ini.

Antaranya, Sistem Integrasi Membran Bioreaktor untuk penghasilan produk daripada sisa industri oleh Che Ku Muhamad Faizal dan Ahmad Ziad yang memenangi pingat emas dan projek Penghasilan Bioetanol daripada kanji sagu oleh Ku Syahidah Ku Ismail, Lau Sing Hui dan Kartini Hanapi yang memenangi pingat perak.

Penyelidikan lain ialah Rawatan Permulaan Ekstrak Minyak Gaharu Menggunakan Enzim Selulos menerusi penyelidikan Prof. Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz, Fatmawati Adam, Joharizal Johari, Ku Syahidah, Syarifah Abdul Rahim dan Mazrul Nizam Abu Seman yang memenangi pingat gangsa.

Satu lagi penyelidikan yang berjaya merangkul pingat ialah projek Penghasilan dan Penulenan Enzim Selulos daripada *Aspergillus Terreus* SUK-1 Menggunakan Bahan Buangan Tempatan yang memenangi pingat gangsa.

Senarai kejayaan ini mendorong kolej universiti berkenaan terus menjalankan penyelidikan dalam bidang bioteknologi, apatah lagi ia memiliki kemudahan yang canggih.

Menurut Dr. Badhrulhisham yang juga Dekan Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli KUKTEM, kemudahan makmal bioteknologi yang dimiliki merupakan antara kekuatan kolej universiti berkenaan.

Beliau berkata, KUKTEM memiliki kemudahan makmal penyelidikan dan pengajaran yang setanding dengan institusi pengajian tinggi awam lain di negara ini.

"Kita memiliki makmal yang keseluruhannya ber-

DR. BADHRUL-HISHAM ABDUL AZIZ.

